

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat ruang/platform untuk belia terlibat dan mempunyai perbualan yang sukar dan perbalahan dengan Kerajaan mengenai topik-topik yang amat membimbangkan mereka dengan cara yang dipandu oleh pihak sekolah dan selamat apabila mengutarakan pandangan tanpa dikenakan tindakan undang-undang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa murid adalah sebahagian daripada belia. Sehubungan itu, KPM telah merangka program-program yang bersifat holistik dan memberi penekanan terhadap aspek perpaduan, patriotisme dan jati diri. Tiga aspek ini akan menjadi panduan kepada murid untuk menyuarakan pandangan dalam kelompok sosial masing-masing secara berpandu dengan menghormati nilai-nilai murni dalam masyarakat dan perundangan negara.

Dalam usaha memupuk nilai ketatanegaraan dan jati diri di peringkat sekolah, KPM bukan sahaja menerapkan elemen-elemen tersebut dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah, malah turut diterapkan dalam aktiviti luar bilik darjah iaitu ketika menjalankan aktiviti kokurikulum.

Aktiviti kokurikulum merupakan kegiatan secara berkumpulan yang dirancang lanjutan daripada proses PdP dalam bilik darjah yang memberi peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran serta nilai yang dipelajari di bilik darjah. Aktiviti yang disertai oleh murid adalah Pasukan Badan Beruniform, persatuan dan sukan/permainan. Apabila murid menyertai aktiviti kokurikulum ini, mereka boleh bertukar pandangan, idea dan minat serta berbincang mengenai isu semasa.

Selain itu, pertandingan pidato dan bahas di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan juga merupakan platform kepada murid untuk mengemukakan idea, pandangan dan kritikan mereka terhadap sesuatu tajuk. Dalam konteks ini, murid dipandu oleh guru penasihat masing-masing berkaitan etika dan kemahiran menyuarakan pandangan dengan bernas. Aktiviti pidato dan bahas dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis, memupuk keyakinan diri dan melatih penggunaan bahasa yang baik dan beretika.